

dan akan berlaku tidak berapa lama lagi sekiranya

Tengku tidak berkawal dan berjaga-jaga dari sekarang.

“Penjajahan Indonesia” ke atas Tanah Melayu,

seterusnya Malaysia, sebenarnya telah dimulai lama dahulu

dengan didahului menerusi jalan kebudayaan dan

sastera. Ini langkah yang pertama yang telah kita pernah mengingatkan

kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Langkah yang kedua, seperti kita sebut di atas

ialah dengan menggunakan pasukan pasukan gorila yang dimulai

peonnya, Azhari dengan peristiwa berdarah di Brunei.

Gerakan ini diteruskan dengan lebih jelas lagi oleh

saranan Roeslan Abdulgani memberi “tawaran” kepada

rakyat-rakyat di Sabah dan di Sarawak kalau ingin merdeka dan

bersatu dengan Indonesia maka Indonesia sedia

menolong. Apakah ini tidak menjadi bukti?

Waspadalah Tengku berhadapan dengan orang-orang seperti

ini.

* * *

Pertubuhan Muslimin Singapura

Lebih kurang dua tahun dahulu, pertubuhan yang

tersebut telah ditubuhkan di Singapura dengan membawa

rancangan-rancangan yang bergemilang untuk kebaikan kaum muslimin

Singapura. Langkah pertama bagi mengikat “perpaduan”

Pertubuhan Muslimin Singapura lalu mengadakan

Kongres Umat Islam. Di dalam Kongres itu

telah disetujukan untuk mendapatkan kelulusannya bagi

memotong gaji tiap-tiap seorang Islam sama ada yang bekerja

dengan kerajaan atau di syarikat-syarikat awam. Sesungguhnya

Kongres itu meriah kerana disusun dengan baik

dan teratur.

Tetapi sesudah dua tahun berjalan. Kita tidak

mendengar khabar berita tentang langkah-langkah yang dibuat oleh pertubuhan muslimin itu. Yang kita hanya dapat memandang adalah pertubuhan itu nampaknya giat di dalam perkara sukan sahaja seperti menyambut mahram dengan perlawanan sukan

iaitu sebagai alih – ganti dari mendiang Pertubuhan

Pemuda Islam Singapura dahulu.

Kita, sebenarnya dari mula-mula dahulu telah memberi

fikiran bahawa adanya pertubuhan itu tidaklah berapa

mustahak kerana orang-orang yang bakal mengambil bahagian

di dalam pertubuhan itu ialah orang-orang yang biasa atau

bekerja di dalam pertubuhan-pertubuhan Islam yang lain yang seakan-akan

coraknya. Pandangan itu kita beri ialah supaya usaha-usaha

untuk kebijakan dan maslahat agama biarlah tidak

habis di dalam kata-kata sahaja tetapi di dalam amal. Maka

dengan itu adalah mustahak menyatukan tenaga dan berusaha

mengadakan dan memimpin “kader-kader” yang bakal mengantikan

tempat-tempat orang-orang yang telah tua.

Sebenarnya kita gemar hendak melihat adanya kerja-kerja

dan amal-amal umum tetapi jika hanya ada pertubuhan dan

membanyakkan pertubuhan sahaja, memandang tidak ada faedahnya

selain daripada “beramai-ramai” di dalam perkara-perkara

“luar” untuk dilihat orang.

SUDAH TERBIT!

PERSURATAN MELAYU III

D R A M A

Harga \$7.00

Pesan kepada:-

Q A L A M

356/8, GEYLANG ROAD

Singapore 14.